

Arkeo-Pelancongan di Tapak Bandaraya Warisan Dunia UNESCO: Tumpuan di Malaysia

Archeo-Tourism at UNESCO World Heritage City Sites: Focus on Malaysia

ASYAARI MUHAMAD & YASMIN AMIRAH

ABSTRAK

Artikel ini membicarakan tentang penggalakan arkeo-pelancongan di Malaysia. Berbekalkan kepada kepentingan mengingati sejarah di Malaysia semenjak zaman penjajahan Portugis, Belanda seterusnya Empayar British, terdapat beberapa tapak bersejarah yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia. Menggunakan konsep arkeo-pelancongan, artikel ini memberikan beberapa jenis tarikan dan aktiviti pelancongan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, peranan promosi amat penting di sini bagi mencapai hasrat pengkomersialan tapak-tapak Warisan Dunia UNESCO. Pelbagai pihak haruslah memainkan peranan penting demi menarik para pelancong asing dan tempatan untuk ke tempat-tempat tersebut. Peranan ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab utama Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan dan Kementerian Pelancongan malah pihak NGO juga perlu memainkan peranan. Misalnya, peranan yang dimainkan oleh hotel-hotel di Malaysia bagi mempromosi tempat-tempat ini, agensi-agensi pelancongan, pemandu pelancong, kemudahan pengangkutan awam, Jabatan Muzium Malaysia serta lain-lain.

Kata kunci: Arkeologi pelancongan; potensi pelancongan; senarai warisan dunia; Tapak Warisan UNESCO; warisan dunia

ABSTRACT

This article shows the potential of enhancing the archaeo-tourism aspect in Malaysia. For the reason of the importance of remembering the country's colonialisation during the Portuguese, Dutch, and British, several locations in Malaysia have been approved by UNESCO as the World Heritage List. Using the concept of archaeo-tourism, this article provides several attractions and activities of tourism in Malaysia to be implemented. Hence, the act of promotion is vital to achieve the objective of commercialization of the World Heritage sites in Malaysia. Many parties have to play their roles to attract foreign tourists and local ones as well to the World Heritage sites in Malaysia. The role is not only limited to The Ministry of Communication, the Ministry of Heritage and Tourism, in fact, it should be carried by the NGOs and tourism agencies. For instance, the hotels and tour guide company, Department of Museums, and others that are involved in the tourism economy sector.

Keywords: Archaeotourism; tourism potential; world heritage list; World Heritage UNESCO; World Heritage

PENGENALAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara memang kaya dengan keindahan alam semulajadinya serta fauna dan flora. Beriklimkan monson hujan tropika yang sentiasa menerima taburan hujan dan panas yang cukup setiap tahun merupakan salah sebuah negara yang subur baik dari aspek fizikalnya maupun spiritualnya. Umumnya, Malaysia mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan

lain-lain yang mengamalkan corak kehidupan yang bersatu padu, harmoni, aman damai dan saling bantu membantu antara satu sama lain sedikit sebanyak telah mempengaruhi keadaan sosio ekonomi dan politik negara seterusnya telah dapat mempengaruhi melancarkan lagi perkembangan ekonomi negara.

Sehubungan itu, dapatlah dikatakan bahawa kesemua faktor tersebut sedikit sebanyak memberi suatu "pemangkin" terhadap aktiviti pelancongan di negara ini. Pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan utama dalam sesbuah negara, begitu jugalah halnya dengan senario tersebut yang berlaku

di Malaysia. Oleh hal yang demikian, pelbagai aspek perlu diambil kira bagi memantapkan lagi industri pelancongan di negara ini. Terdapat pelbagai produk pelancongan di Malaysia. Antaranya ialah seperti pusat peranginan yang cantik, menarik dan bersih, kawasan peninggalan warisan sejarah yang menarik, promosi jualan murah, harga penginapan hotel yang munasabah, kemudahan sistem pengangkutan yang baik dan efisen dan lain-lain lagi.

Justeru itu, artikel ini ingin membicarakan salah satu produk pelancongan yang dikira amat penting bagi menarik minat para pelancong khususnya pelancong dari luar negeri untuk mengunjungi Malaysia. Produk pelancongan yang dimaksudkan itu ialah arkeo-pelancongan. Arkeo-pelancongan merupakan satu konsep baru kepada penduduk di Malaysia, walaupun pada hakikatnya ia telah lama wujud dan mendapat tempat di hati peminat dan pencinta arkeologi. Ini kerana pada hakikatnya walaupun Malaysia kaya dengan lokasi bersejarah yang menarik namun rakyat Malaysia kurang mempunyai minat untuk melancong sambil menghayati kesan tinggalan warisan budaya negara. Apa yang lebih menjadi daya tarikan para pelancong tempatan ialah menikmati keindahan alam semulajadi di pulau-pulau yang indah, pantai-pantai yang cantik dan bersih, pusat peranginan tanah tinggi seperti di Genting Highlands atau Cameron Highlands sambil beristirehat ataupun membeli belah di pusat-pusat membeli belah yang terkenal (Asyaari 2002).

Keadaan ini berbeza sekali dengan para pelancong yang datang dari luar negara terutamanya para pelancong yang berasal dari negara yang pernah menjajah negara ini. Minat mereka lebih cenderung kepada tempat-tempat yang mempunyai nilai ataupun tinggalan warisan budaya sesuatu negara yang dilawati. Malah tidak kurang dari kalangan mereka yang ingin melawat ke tempat bersejarah ini sambil membuat kajian.

LATAR BELAKANG

Sebelum membicarakan dengan lebih lanjut apakah yang dimaksudkan dengan arkeo-pelancongan, lebih baik sekiranya dijelaskan definisi arkeo-pelancongan itu sendiri. Perkataan ‘arkeo’ adalah kependekan daripada perkataan ‘arkheologi’ yang bermaksud mengkaji benda purba melalui penganalisaan secara saintifik dan bersistematis. Umumnya arkeologi juga bermaksud satu kajian yang bersistematis tentang masa lampau yang berdasarkan budaya kebendaan

dengan bermatlamatkan untuk membongkar, menerangkan dan mengklasifikasi tinggalan-tinggalan budaya, menghuraikan bentuk dan prilaku masyarakat masa silam serta memahami bagaimana ia terbentuk dan akhir sekali merekonstruksikan semula (Paul Bahn 1996).

Manakala pelancongan pula menurut Kamus Dewan berasal daripada ‘lancang’ yang bererti melawat sambil melihat-lihat (besenang-senang). *Webster International Dictionary* pula mentakrifkan pelancongan sebagai suatu perjalanan oleh seseorang dan akan pulang ke titik permulaannya. *Oxford Dictionary* pula mendefinisikan pelancongan sebagai orang yang membuat lawatan dengan tujuan untuk berekreasi, orang yang berpergian untuk hiburan atau kebudayaan, orang yang melawat beberapa buah tempat untuk perkara yang diminatinya, pemandangan atau sebagainya.

Oleh itu, arkeo-pelancongan bermaksud menjadikan tempat yang mempunyai nilai tinggalan sejarah, warisan bangsa seperti pusat pemerintahan kuno, kubu, kota, kubur, bangunan-bangunan lama seperti masjid, rumah kediaman, istana, candi, artifak-artifak seperti alat senjata, tembikar tanah, porselin dan lain-lain sebagai sumber tarikan pelancong yang akan memberi pendapatan kepada penduduk tempatan dan juga negara.

ARKEO-PELANCONGAN

Sepertimana yang dijelaskan di atas, pelancongan merupakan suatu fenomena yang melibatkan seseorang individu itu bergerak (pergi dan balik) serta menetap di tempat yang di tuju di luar tempat tinggal biasa. (Alister Mathieson & Geoffrey Wall: 1999: 15). Konsep arkeo-pelancongan pula sering dikaitkan dengan tinjauan atau lawatan ke tempat-tempat yang mempunyai tinggalan warisan sejarah sesebuah negara itu. Tempat-tempat yang mempunyai tinggalan warisan sejarah sesebuah negara itu misalnya istana, bangunan, kota, tempat beribadat seperti masjid, candi dan kuil dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, konsep arkeo-pelancongan tersebut boleh dilihat di beberapa buah negara yang mempunyai tinggalan warisan sejarahnya yang terkenal seperti di Mesir, yang megah dengan piramid, mumia dan spinhxnya, di China yang terkenal dengan tembok besar China, di India pula terkenal dengan Taj Mahalnya, di Kemboja pula terkenal dengan Angkor Watnya, di Indonesia terkenal dengan candi Borobodur dan Prambanannya, di Itali yang terkenal dengan menara

Pisanya, Colesuem dan lain-lain lagi. Negara-negara tersebut kebiasaanya memperolehi pendapatan per kapitanya yang sangat tinggi terutamanya dalam sektor pelancongan. Ini kerana negara-negara tersebut amat kaya dengan tinggalan warisan sejarah yang hebat.

Di Malaysia, pada penghujung tahun 2023, negeri Kedah dan Pulau Pinang misalnya melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Tourism Malaysia*, sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), telah melancarkan sebuah pakej arkeopelancongan dan geopelancongan bagi mempromosikan produk pelancongan arkeologi,

geologi dan tapak warisan Dunia UNESCO (Tourism Malaysia). Melaka pula telah melancarkan Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM) dan pelbagai aktiviti pelancongan telah dirangka untuk sepanjang tahun (Awani News).

TAPAK WARISAN DUNIA (MALAYSIA)

UNESCO telah mengiktiraf pada peringkat antarabangsa 4 lokasi di Malaysia yang tersenarai sebagai Tapak Warisan Dunia. Mengikut turutan senarai jadual berikut merupakan tapak-tapak yang diiktiraf oleh UNESCO.

JADUAL 1. Senarai lokasi Tapak Warisan Dunia di Malaysia.

Lokasi	Tahun disenaraikan	Kriteria
1. Taman Negara Gunung Mulu Sarawak	2000	Semulajadi Kriteria OUV 7-10
2. Taman Kinabalu Sabah	2000	Semulajadi Kriteria OUV 9-10
3. Melaka dan Georgetown (Bandaraya Bersejarah di Selat Melaka)	2008	Budaya Kriteria OUV 2-4
4. Warisan Arkeologi Lembah Lenggong	2012	Budaya Kriteria OUV 3-4

Sumber: Laman Web UNESCO 2024 dan Laman Web Jabatan Warisan Negara 2024.



RAJAH 1. 5 lokasi Tapak Warisan Dunia UNESCO di Malaysia.

Sumber: Laman Web UNESCO 2024

DAFTAR WARISAN KEBANGSAAN

Manakala pada peringkat kebangsaan, Malaysia turut memiliki senarai daftar warisan yang turut menyenaraikan senarai tapak, objek serta warisan

orang hidup dalam negara yang mempunyai signifikan tinggi bagi kebudayaan negara. Jadual berikut merupakan senarai yang termasuk di dalam Senarai Warisan Kebangsaan.

JADUAL 2. Senarai Warisan Kebangsaan sehingga 2020

Jenis Warisan	Bentuk	Jumlah
1. Tapak	Bangunan	67
	Monumen / Makam	5
	Arkeologi	15
	Semula Jadi	6
2. Objek	Ketara	114
	Tidak Ketara	517
3. Orang Hidup		27

Sumber: Laman Web Jabatan Warisan Negara 2024

Pada tahun 2008, Malaysia melalui Bandaraya Bersejarah Melaka dan Georgetown telah diiktiraf oleh *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sebagai dua buah bandaraya bertaraf warisan dunia. Melaka yang terkenal dengan banyak tinggalan sejarah, warisan dan budaya seperti tinggalan bangunan lama kolonial sejak Portugis hingga ke British, tinggalan kota Melaka yang menjadi kebanggaan warga Melaka dan sebagainya amat wajar diberi pengiktirafan sedemikian rupa. Selain daripada tinggalan kebudayaan *material*, jika dilihat dari segi masyarakat yang menetap di negeri Melaka yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan bangsa serta boleh hidup aman damai, harmoni menjadi contoh kepada dunia luar.

Keunikan negeri Melaka dari segi wujudnya masyarakat majmuk seperti kaum Melayu, China, India, Baba, Portugis dan sebagainya yang saling hormat menghormati antara satu sama lain menjadi salah satu ciri unik mengapa Melaka dipilih sebagai bandaraya warisan dunia oleh UNESCO. Begitu juga halnya di Pulau Pinang yang banyak meninggalkan warisan lama seperti bangunan, masjid, kota, kubu dan sebagainya. Keunikan di dua buah negeri ini juga terserah apabila terdapatnya pelbagai keturunan masyarakat yang menghuni di negeri tersebut boleh hidup dengan aman damai, saling hormat menghormati hak sesuatu kaum dan saling berganding bahu dalam kehidupan sehari-hari. Ciri unik inilah yang menjadikan kedua-dua buah bandaraya ini diberi pengiktirafan oleh UNESCO sebagai Bandaraya Warisan Dunia.

Ekoran daripada pengiktirafan dari UNESCO ini, semakin hari semakin ramai para pelancong

terutamanya dari dalam dan luar negara berkunjung ke negeri tersebut. Di Melakaumpamanya, kehadiran para pelancong dari tahun ke tahun meningkat. Begitu juga dengan Pulau Pinang. Keunikan kedua-dua buah negeri ini boleh dijadikan contoh oleh negeri lain dalam menghidupkan industri arkeopelancongan ini.

JENIS TARIKAN DAN KEGIATAN PELANCONGAN DI MALAYSIA

Bagi mengkaji dan menilai tarikan para pelancong, kita perlu memahami beberapa jenis tarikan dan kegiatan pelancongan yang perlu diambil kira apabila merancang dan bagaimana ini dikelompokkan untuk tujuan analisis. Tarikan pelancongan dapat dikategorikan kepada beberapa kriteria yang semuanya berasaskan kepada logik. Misalnya Gunn mengesyorkan bahawa semasa mengendalikan tarikan litar pelancongan (jangka pendek) dan tarikan (jangka panjang), berdasarkan kepada 2 jenis pelancongan iaitu pelancongan yang memuaskan pasaran melancong untuk para pelancong yang sedang melancong yang melibatkan beberapa persinggahan di tempat yang berasingan atau mereka yang pergi ke destinasi dekat atau jauh (Gunn, 1998: 23).

Sementara itu, Allan Lew pula mengkaji semula kaedah penyelidikan yang digunakan untuk daya tarikan para pelancong dan keindahan kawasan pelancongan serta menyimpulkan bahawa kebanyakkan kajian dapat dikelompokkan kepada satu atau lebih untuk 3 perspektif umum iaitu senarai gambaran gagasan, organisasi dan kognisi tarikan (Allan Lew, 1987: 553-575). Walau bagaimanapun,

segala pendekatan ini membandingkan tarikan berdasarkan aspek sejarah, lokasi dan penilaian. Sistem pengelasan yang lazim digunakan dan salah satu daripadanya yang digunakan untuk kategori yang utama ialah:

1. Tarikan semulajadi yang berdasarkan persekitaran semulajadi
2. Tarikan budaya yang berdasarkan kegiatan manusia
3. Jenis tarikan istimewa yang dicipta secara buatan

Dalam pembahagian 3 kategori utama itu, arkeo-pelancongan diletakkan dalam kategori kedua iaitu tarikan budaya yang berdasarkan kegiatan manusia. Tapak arkeologi, bersejarah dan berbudaya seperti monumen, bangunan bersejarah, daerah dan bandar, rumah ibadat seperti masjid, gereja, biara, kuil, medan perperangan dan lain-lain merupakan ciri tarikan pelancongan yang utama di kebanyakan negara di dunia (Inskeep, 1996, 78-79). Dalam hal ini tidak kurang penting dan menarik juga dengan kesan-kesan peninggalan arkeologi dan tapak-tapak bersejarah yang terdapat di Malaysia. Sebagai contohnya di Kota Kuala Kedah, Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Sungai Mas di Kedah, Kota A Famosa dan Bangunan Studhuys di Melaka, Tasik Chini dan Kota Gelanggi di Pahang, Gua Mulu dan Gua Niah di Sarawak serta Gua Madai di Sabah. Tapak-tapak arkeologi dan bersejarah ini adalah amat penting untuk dilihat oleh para pelancong dan mencerminkan kearah aliran pelancongan yang penting suatu hari nanti.

CADANGAN PEMBANGUNAN WARISAN

Kita telah melihat sejauhmanakah telah berkembangnya pusat pelancongan yang bertemakan kepada konsep arkeo-pelancongan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kita boleh mengandaikan bahawa pengurusan sumber warisan budaya yang baik di Malaysia sahaja yang boleh mengendalikan warisan negara sehingga mencapai ke satu tahap yang boleh membawa manfaat kepada industri pelancongan negara yang berkonsepkan arkeo-pelancongan. Dalam hal ini, artikel ini menfokuskan kepada 2 jenis tapak yang boleh dikategorikan sebagai tapak warisan iaitu tapak-tapak warisan yang nyata dan terpelihara dengan baik dan tapak-tapak warisan yang memerlukan kerja-kerja pemuliharaan dan konservasi atau dibina semula. Kedua-dua kategori tapak warisan ini sebenarnya

memerlukan ketinggian kesempurnaan pengurusan sumber warisan budaya jika ingin dijadikan sebagai salah satu daripada produk pelancongan negara. Pengurusan sumber warisan budaya yang baik biasanya akan mendatangkan pulangan kewangan yang maksimum kepada industri pelancongan negara.

Sebagai contohnya kita boleh lihat bagaimana pengurusan sumber warisan budaya yang baik seperti di Mesir mempunyai tinggalan Piramid, Sphinx, Teotihuaca (Mexico), Persepolis (Iran) dan Williamsburg (USA) telah mendatangkan berjuta dollar setiap tahun. Selain mendatangkan hasil yang lumayan, pengurusan sumber warisan budaya yang baik juga dapat melindungi kawasan yang bersejarah lebih selamat dan terpelihara. Hakikatnya, setiap tapak warisan sejarah sesuatu negara itu apabila termusnah atau hilang, tiada ada benda yang boleh diganti termasuk wang ringgit.

Dalam hal ini, peranan perundangan pemuliharaan sumber warisan budaya harus dititikberatkan. Di Malaysia, terdapat sebuah akta baru yang menggantikan Akta Bendapurba 1976 iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah dihasilkan. Namun demikian, sebelum Perang Dunia Kedua, beberapa buah negeri lain di Malaysia telah menghasilkan dan melaksanakan perundangan yang berhubung kait dengan warisan sejarah. Undang-undang tersebut berfungsi sebagai memelihara dan menyelamatkan warisan tapak-tapak bersejarah. Antaranya seperti di negeri Perak pada tahun 1888, diikuti dengan negeri Kedah dan Johor pada tahun 1926. Selepas Perang Dunia Kedua, Sarawak telah memperkenalkan ‘Ordinan Antikuiti 1954’. Dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, beberapa perkara telah diberi perhatian khususnya untuk memulihara dan menyelamat warisan budaya negara termasuklah:

1. Jumpaan-jumpaan Arkeologi (Seksyen 3)
2. Galicari Arkeologi
3. Pewartaan bangunan lama dan tapak-tapak bersejarah
4. Ekspot artifak
5. Penalti atau denda
6. Prosedur atau langkah-langkah

Di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, tercatat bahawa Pesuruhjaya Warisan Malaysia, mempunyai kuasa untuk mengeluarkan dan meluluskan lesen penggalian di sesuatu tapak arkeologi. Lesen-lesen ini dikeluarkan kepada mereka yang berkelayakan dan berpengalaman

dalam bidang arkeologi agar dapat mengawal aktiviti penggalian arkeologi serta tidak memusnahkan sesuatu tapak arkeologi. Kesemua garis panduan akan diberi semasa kerja-kerja galicari dilakukan agar memenuhi kehendak pihak berkuasa dengan melakukan penyelidikan secara saintifik dan bersistematis.

Kesemua jumpaan seperti artifak dan non-artifak akan dianalisis, dibaikpulih agar dapat dipamerkan di muzium untuk kepentingan kepada industri pelancongan negara. Justeru itu, pengawalan dalam kaedah galicari penting agar dapat menyelamatkan artifak daripada musnah untuk dipamerkan di muzium (Nik Hassan Shuhaimi 1997). Tambahan kepada kerja-kerja pengawalan di tapak galicari arkeologi, kepada mereka yang bertanggungjawab terhadap pengurusan di lapangan / tapak arkeologi, seharusnya mewartakan tapak tersebut sebagai tapak bersejarah atau tapak arkeologi.

Pengurusan tapak-tapak warisan melibatkan beberapa aktiviti seperti restorasi, konservasi dan pemuliharaan monumen, artifak dan tapak bersejarah. Restorasi adalah sebahagian daripada aktiviti konservasi. Restorasi juga bermaksud memulihara monumen atau artifak supaya berada dalam keadaan asal/asli yang sebaik mungkin dan kadang kala memerlukan kerja membaik pulih pada bahagian yang pecah atau hilang. Konservasi pula bermaksud mengurus tapak warisan dan segala objek agar bentuk asal sesebuah bangunan bersejarah atau monumen atau artifak itu terpelihara dan dilindungi daripada musnah. Dalam hal ini, kerja baik pulih atau pemuliharaan sangat penting supaya segala objek yang bersifat warisan dapat diselamatkan daripada musnah dan hancur.

Kita harus sedar bahawa kesan daripada kedatangan pelancong ke Malaysia untuk melawat ke tapak bersejarah akan memberi kesan yang negatif sekiranya beberapa langkah awalan tidak diberi perhatian. Sehubungan dengan itu, pengurusan di sesebuah tapak warisan sejarah perlu ada perancangan yang teliti yang boleh diperaktikkan semasa kerja konservasi kelak. Kesan utama galakkan industri pelancongan negara bergantung kepada perubahan persekitaran terhadap bangunan serta infrastruktur yang disediakan seperti hotel, tempat letak kereta dan kemudahan lain (Prentice 1994).

Perkara pokok yang harus difikirkan semasa merancang pelan pembangunan sesebuah kawasan tinggalan warisan sejarah ialah memikirkan langkah dan strategi yang sesuai bagi menyelamatkan

pembangunan infrastruktur yang lain. Adalah dicadangkan agar tapak warisan negara tidak seharusnya diperkenalkan berdasarkan kepada permintaan pasaran sejagat, tetapi apa yang perlu diberi perhatian ialah produk yang dihasilkan oleh sesebuah tapak warisan itu sendiri. Misalnya, penyediaan infrastruktur di sekitar kawasan tapak warisan itu tidak mengganggu dan mengancam persekitarannya daripada musnah. Ini semua boleh tercapai melalui perancangan yang teratur dan berstrategi.

Beberapa buah tapak warisan di Malaysia telah melalui perancangan dan promosi yang teratur untuk menarik minat para pelancong. Antaranya ialah seperti di Lembah Bujang, Kuala Selinsing, Gua Niah, Gua Mulu, Gua Madai dan Bukit Tengkorak serta di beberapa buah kota, kubu dan istana. Namun demikian, hakikatnya tapak warisan di Malaysia hanya memberi kepentingan yang terhad kepada segelintir golongan sahaja. Ini disebabkan kurangnya kerjasama antara pihak pengurusan dan industri pelancongan. Dalam hal ini peranan yang dimainkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) di bawah pentadbiran Pesuruhjaya Warisan juga harus diambil kira kerana industri ini berada di bawah sektor Jabatan tersebut.

Ketidakadilan, keseimbangan dalam menangani pengurusan warisan negara dilihat dapat membantutkan industri arkeo-pelancongan negara. Peranan yang dimainkan oleh JWN dalam mempromosi tapak warisan negara dianggap menjadi aset pemangkin kepada industri arkeo-pelancongan. Dalam hal ini saranan yang perlu diambilkira dan dipertimbangkan oleh JWN dalam hal memajukan industri ini seharusnya mendapat pandangan dan kerjasama dari beberapa Kementerian dan institusi yang lain. Peranan daripada Kementerian Pelancongan, Alam Sekitar, Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Negeri, Kerajaan tempatan dan institusi pengajian tinggi negara perlu diambil kira dalam memartabatkan industri arkeo-pelancongan negara.

GALAKAN PELANCONGAN – PROMOSI

Umumnya, Malaysia baru sahaja menceburii bidang arkeo-pelancongan ini untuk menarik minat para pelancong baik dari dalam maupun luar negara. Istilah Eko dan arkeo-pelancongan tidak pernah didengari sebelum tahun 1990an. Promosi pelancongan terhadap tapak warisan sejarah kepada para pelancong di Malaysia sangat perlahan.

Justeru itu, potensi industri pelancongan terhadap tapak warisan sejarah negara ini merupakan salah-satu hasil yang kecil terhadap industri pelancongan negara. Hakikatnya, tapak warisan sejarah negara hanya memberi kepentingan terhadap kepada segelintir golongan sahaja kerana masalah kerjasama antara pihak pengurusan dan industri pelancongan. Golongan yang dimaksudkan itu ialah terdiri daripada para sarjana, penyelidik dan sebilangan kecil pelancong yang berminat terhadap aktiviti lasak. Minat golongan para pelancong ini adalah pelbagai. Ada yang meminati seni binaan, ukiran-ukiran, keagamaan, sejarah, arkeologi, sejarah semulajadi, gua, alam sekitar dan juga air terjun (Nik Hassan Shuhaimi 1997).

Kebiasaannya, para pelancong yang dikategorikan sebagai pelancong rekreasi kurang mendapat maklumat tentang sesebuah tapak bersejarah kerana maklumat berkenaan tidak didokumentasi. Justeru itu, para pelawat tidak dikenakan bayaran semasa melawat tapak. Lama-kelamaan, kesedaran akan pentingnya tapak warisan di Malaysia mula mendapat perhatian. Lebih-lebih lagi apabila kerajaan Malaysia mula menyalurkan sejumlah besar peruntukan untuk pembangunan tapak bersejarah demi kepentingan warisan negara.

Pengalaman yang berlaku di Malaysia, konservasi terhadap tapak warisan budaya seperti bangunan lama dan kota akan dipelihara dengan menekankan kepada aspek yang tertentu. Contoh konservasi dan pemuliharaan tapak warisan yang baik ialah yang dilakukan terhadap kota A Famosa di Melaka. Terdapat beberapa buah bangunan warisan lama di Malaysia yang telah dipelihara dan dibaikpulih. Antaranya ialah seperti di Masjid Kampung Laut (Masjid kayu yang tertua di Malaysia), Masjid Pengkalan Kakap di Kedah dan bangunan Studhyus di Melaka. Beberapa buah kota juga telah dibaikpulih dan antaranya ialah seperti di Fort Cornwallis di Pulau Pinang, Kota Lukut di Negeri Sembilan, Kota Belanda di Linggi, Kota Johor Lama di Johor, Kota St. John dan St. Paul di Melaka. Beberapa buah tapak arkeologi dan monumen di Lembah Bujang, Kedah telah dibaikpulih.

Sehubungan dengan itu, satu garis panduan dari Perbendaharaan Negara, Jabatan Warisan Negara yang berada di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menekankan aspek konservasi dan pemuliharaan terhadap semua tapak warisan negara iaitu harus dibaikpulih dan dipelihara. Beberapa langkah perancangan dan strategi telah dibuat bagi memastikan kerja

konservasi yang dilakukan mengikut standard atau piawai antarabangsa yang telah termaktub. Kesemua penyelidikan, konservasi dan pemuliharaan haruslah berkiblatkan kearah peningkatan serta mengikut rentak industri pelancongan negara.

Terdapat beberapa buah tapak warisan negara yang berada dalam perancangan untuk dilakukan kerja konservasi dan baikpulih. Antaranya ialah seperti tapak arkeologi di Sungai Mas, Lembah Bujang, Kota Ngah Ibrahim di Matang, Kota Linggi, Sungai Lembing, Tasik Chini, Pulau Tioman dan Kota Kuala Kedah. Walau bagaimanapun, perancangan yang teliti haruslah dilakukan terlebih dahulu sebelum kerja konservasi dan pemuliharaan terhadap tapak arkeologi dijalankan. Perancangan yang dimaksudkan itu adalah termasuk mengenalpasti prospek masa hadapan tapak tersebut terhadap industri pelancongan. Keistimewaan dan kelebihan sesuatu tapak warisan sejarah itu haruslah ditonjolkan dalam mempromosi tapak warisan. Sebagai contoh, dalam memperkenalkan Tasik Chini di Pahang, sejarah Tasik Chini seperti wujudnya istana yang tenggelam dan lagenda naga Tasik Chini haruslah ditekankan dan dihebahkan kepada para pelancong.

Selain itu, kita juga harus mengikuti dan mematuhi peraturan konservasi sesuatu tapak warisan seperti melakukan kerja penyelidikan arkeologi terlebih dahulu sebelum kerja konservasi dilakukan. Ini bagi memastikan beberapa maklumat awal tentang sekitar kawasan yang hendak dikonservasi itu di catat dan direkodkan terlebih dahulu. Hasil penyelidikan survei dan galicari arkeologi tersebut akan dapat membantu menyalurkan maklumat awal yang kemudian akan disusuli dengan perancangan dan strategi dalam kerja konservasi kelak.

Industri arkeo-pelacongan di Malaysia, seperti mana yang telah dijelaskan pada sebelum ini, masih berada dalam peringkat awal. Apabila membincarakan tentang pengurusan tapak warisan di Malaysia, kita harus memandang kepada perkembangan industri ini di negara jiran seperti Indonesia dan Thailand. Mereka lebih kehadapan daripada kita dari segi pengurusan warisan budaya. Malaysia harus belajar dari pengalaman negara tersebut terutamanya dari aspek pengurusan sumber warisan budaya. Indonesia misalnya, telah menjadikan tapak warisan mereka lebih menarik dan terpegun dari aspek menarik para pelancong untuk melawat negara mereka. Malaysia masih dalam proses untuk membaikpulih dan memulihara tapak warisan serta mempromosi tapak tersebut sedangkan di Indonesia telah melalui

proses tersebut dan kini sedang menikmati akan hasil yang telah ditunjukkan dalam mengurus tapak warisan mereka terhadap industri pelancongan negara mereka. Tapak warisan di Malaysia kini hanya diberi tumpuan oleh para penyelidik sahaja. Sedangkan tapak warisan tersebut akan memberi manfaat terhadap pelancong dari dalam dan luar negara sekiranya pengurusan terhadap tapak warisan itu dilakukan secara sempurna.

Berdasarkan pengalaman negara jiran tersebut, Malaysia boleh merancang pelan strategi untuk mempromosi tapak warisan yang ada serta dapat pula mengaut keuntungan daripada industri pelancongan. Malaysia perlu mendapatkan peruntukan yang secukupnya demi menggalak serta menyokong kerja konservasi dan pemuliharaan walaupun tapak warisan yang ada di Malaysia tidaklah sehebat seperti Borobudor di Indonesia atau Angkor Wat di Kemboja. Malaysia perlu lebih kreatif dalam memperkenalkan beberapa tapak warisan yang berpotensi. Perkara ini perlu dilakukan kerana beberapa tapak warisan yang berpotensi di Malaysia boleh dikembangkan dan dimajukan seiring dengan negara jiran kita yang kreatif dalam usaha mempromosi tapak warisan negara.

Antara langkah awal yang perlu dilakukan dalam menangani perkara ini ialah seperti:

1. mewartakan kesemua tapak warisan negara yang berpotensi
2. memulihara dan konservasi (mempromosi dan mengawal pelawat)
3. mempromosi (interpretasi sejarah)
4. sokongan daripada masyarakat
5. menjual cenderahati

(Abdul Kadir Din 1997)

Selain daripada itu, dalam menguruskan tapak warisan di Malaysia, industri pelancongan seharusnya bergabung dan bekerjasama dengan pengurusan produk pelancongan yang lain untuk memaksimumkan kewibawaan industri arkeo-pelancongan sekiranya ia tidak boleh dipromosikan secara sendirian. Dalam pakej pelancongan negara, lawatan ke tapak warisan seharusnya disatukan dengan lawatan ke tempat yang mempunyai produk seperti ekologi dan pertanian yang berada di lokasi yang sama. Justeru itu, pakej pelancongan haruslah berdasarkan kepada kriteria zon-zon seperti arkeo-pelancongan, agro-pelancongan, eko-pelancongan dan pelbagai bentuk produk pelancongan yang lain.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam konteks pengurusan warisan negara, untuk industri pelancongan (arkeo-pelancongan), seharusnya merancang dengan baik gabungan di antara konservasi, pemuliharaan dan mempromosi dalam sesuatu pembangunan infrastruktur. Para pelawat seharusnya diberi penjelasan dan penerangan dengan sebaik yang mungkin oleh pemandu pelancong untuk memaksimakan kepuasan hati para pelancong. Sokongan daripada pelbagai pihak seperti Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Jabatan Muzium Malaysia, pihak NGO, para penyelidik dan rakyak Malaysia keseluruhannya perlu demi memajukan industri arkeo-pelancongan di Malaysia. Kini tibahtah masanya Malaysia mengambil langkah yang lebih efisen terhadap industri arkeo-pelancongan ini agar dapat menambahkan sumber pendapatan negara dan apa yang paling penting sekali ialah menjadikan tinggalan warisan silam negara terpelihara dan dapat dihayati oleh golongan muda yang ada pada hari ini.

Dalam merealisasikan hasrat untuk menjadi pusat tarikan arkeo pelancongan yang terkenal, pihak berwajib seperti MOTAC, JWN, JMM, serta muzium-muzium negeri harus berganding bahu dalam memperkasa aspek ini. Tanggungjawab sebagai agensi kerajaan yang berperanan untuk meningkatkan kadar pelancong dari dalam dan luar negara adalah menjadi keutamaan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian. Aspek mengiatkan promosi, memperbanyakkan produk arkeo pelancongan yang baharu perlu menjadi keutamaan dalam memajukan industri pelancongan negara.

RUJUKAN

- Asyaari Muhamad. 2002. Potensi Arkeo-pelancongan di Malaysia. Dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu ke-2*. Jilid 1, 8 – 15 Oktober 2002, Beijing, China.
- Abdul Kadir Din. 1997. Arkeo-pelancongan merentas ruang dan masa. Dlm. *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*, disunting oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman et al. Pekan, Pahang. Lembaga Muzium Pahang.
- Bahn, Paul. 1996. *Archaeology: A Very Short Introduction*. Oxford University Press. Oxford.
- Gunn, C.A. 1988. *Tourism Planning*. 2nd edition. New York. Taylor & Francis.

- Inskeep, E. 1996. *Perancangan Pelancongan*. (terj). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lew, A.A. 1987. A Framework of tourist attraction research. *Annals of Tourism Research* 14(4): 553-575.
- Asyaari Muhamad
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: asyaari@ukm.edu.my
- Yasmin Amirah
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Matieson, A. & Geoffrey, W. 1991. *Pelancongan: Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial*. (terj). Abdul Kadir Din. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1997. Challenge of tourism for heritage site management. Dalam, *Tourism And Heritage Management*. Yogyakarta. Gadjahmada University Press.
- Prentice, R. 1994. *Tourism and Heritage Attractions*. London. Halifax. N.S: Formac.
- Laman sesawang Jabatan Warisan Negara. [Diakses 18 Mei 2024].
- Laman sesawang UNESCO World Heritage Lists. [Diakses 20 Mei 2024].